

21 OCT 1999

Mahathir-Karpal

DR MAHATHIR SEDIA HADIR DI MAHKAMAH

YAN, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sanggup hadir di Mahkamah Tinggi sebagai saksi pada perbicaraan kes liwat yang melibatkan bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya akan pergi sebagai saksi. (Kes itu) Tiada apa-apapun cuma Karpal Singh yang cuba melengah-lengahkan perbicaraan," katanya semasa berucap pada majlis pemimpin bersama usahawan Tani di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 17, Sedaka, Yan.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengeluarkan sapa terhadap Dr Mahathir dan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah sebagai saksi pembela dalam perbicaraan kes liwat melibatkan Anwar serta adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Mereka berdua dituduh meliwat Azizan Abu Bakar, 39, bekas pemandu peribadi kepada Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri Anwar.

Sementara itu, di Mahkamah Tinggi hari ini Hakim Datuk Arifin Jaka memerintahkan Dr Mahathir hadir di Mahkamah Khamis ini bagi memberi keterangan kes liwat berkenaan.

Perdana Menteri berkata beliau juga tidak takut untuk ke mahkamah berikutan kenyataan Karpal bahawa beliau (Dr Mahathir) membuat kenyataan bercorak libel berhubung kes keracunan arsenik Anwar.

"Saya tak takut ke mahkamah kerana kenyataan saya berhubung kes arsenik tiada kaitan dengan perbicaraan kes liwat yang sedang dijalankan.

"Tiada kes yang dibicarakan di mahkamah berkenaan berkaitan keracunan arsenik. Saya berani cabar Karpal bahawa apa yang saya dakwa itu bukan penghinaan terhadap mahkamah," katanya.

Sebaliknya beliau berkata Karpal Singh yang juga anggota Parlimen Jelutong dari parti DAP cuba melengah-lengahkan perbicaraan kes Anwar itu demi kepentingan politik parti pembangkang.

Karpal juga melakukan percubaan supaya anak guamannya dilindungi dari tuduhan sangaja buat dakwaan dia diracun, katanya.

Katanya parti pembangkang mahu perbicaraan berterusan sehingga pilihan raya umum kerana mereka akan menjadikan perkara itu sebagai modal untuk mengkritik kerajaan.

Dr Mahathir berkata tidak pernah berlaku dalam sejarah mahkamah di negara ini perbicaraan berlarutan begitu lama.

"Dengan tuduhan Anwar diracun dengan arsenik, kita terpaksa hantar beliau ke hospital periksa dan mengambil masa tiga minggu yang menyebabkan perbicaraan ditangguh.

"Kita secara ikhlas periksa beliau di hospital dan akhirnya ujian di tiga makmal - di Eropah, Australia dan di dalam negara - menunjukkan Anwar tidak pernah kena racun.

"Ini adalah penipuan besar. Tujuannya satu untuk lambatkan perbicaraan, kedua untuk suruh penyokong merusuh, ketiga supaya persidangan hakim dan peguam Komanwel akan marah kerajaan dan keempat supaya persidangan negara APEC di New Zealand marah dengan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir hairan apabila keputusan ujian menunjukkan Anwar tidak diracun, penyokongnya bersedih kerana mereka sepatutnya harus bersyukur apabila mendapati pemimpin mereka tidak diracun.

"Tapi mereka sedih, ini yang pelik," katanya.

Dr Mahathir berkata perkara itu sebenarnya bukan soal racun tetapi muslihat iaitu percubaan merosakkan negara, memburukkan kerajaan dan

menyebabkan rusuhan berlaku.

Anwar adalah kawan saya, saya yang masukkan beliau ke dalam Umno, naikkan sehingga menjadi Timbalan Perdana Menteri dan apabila tahu dia homoseks saya tidak rela orang macam itu jadi pengganti saya, katanya.

"Kita, sebagai orang Islam menegah perbuatan itu dan tidak boleh menerima amalan liwat, orang yang lakukan perbuatan itu tidak layak jadi pemimpin kerdil, jauh sekali dari jadi Perdana Menteri," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MZM JM RI